

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN MENGESAHKAN
SUATU AKADNIKAH PERKAHWINAN**

SAMAN NO.: 11100-012-XXXX-2019

ANTARA

XXXX

PEMOHON

NO. KP: XXXX02-11-XXXX

DENGAN

XYXY (MENINGGAL DUNIA)

RESPONDEN

NO. KP: XXXX29-11-XXXX

DI HADAPAN YANG ARIF

TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN SMT, AMZ, PJK

HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH, KUALA TERENGGANU

DI KUALA TERENGGANU

PADA HARI ISNIN, 25 MUHARRAM 1441H

BERSAMAAN 25 SEPTEMBER 2019

ATAS PERMOHONAN Pemohon, Permohonan ini dipanggil untuk Perbicaraan di dalam Kamar bicara, Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kuala Terengganu, Terengganu

dengan kehadiran Pemohon dan ketidakhadiran Responden setelah mendengar keterangan Pemohon dan Saksi-saksi dan sumpah Mukammilah berserta Affidavit Pemohon,

**MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH-
PERINTAH BERIKUT :-**

[LATAR BELAKANG KES]

- [1] Permohonan yang telah didaftarkan pada 7 Mei 2019 ini adalah merupakan suatu permohonan bagi membuat suatu pengesahan bahawa akad nikah perkahwinan antara Pemohon dan pasangannya, Responden adalah sah menurut Hukum Syara' dan undang-undang.
- [2] Permohonan ini telah ditetapkan untuk sebutan pada 27 Mei 2019 dan dijalankan di dalam Dewan Mahkamah Terbuka di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Puan Nurul Huda binti Abdul Rahman. Pada tarikh 20 Jun 2019 ditetapkan untuk perbicaraan. Pemohon hadir memberiketerangan bersama dua (2) orang saksi hadir iaitu, XCXC, KP: XXXX10-11-XXXX dan XD XD, KP: XXXX28-11-XXXX.
- [3] Berdasarkan fakta kes ini, Pemohon dan Responden telah melangsungkan akad nikah mereka di alamat Masjid Kedai Baru, Tempat 1, Mukim Pasir Mas, Sungai Golok, Wilayah Narathiwat, Thailand pada tarikh 26 Oktober 2018 bersamaan 17 Safar 1440H bersamaan 23 Ogos 2016 dengandi akad nikah berwalikan Wali Am bernama Haji Wan Hassan Wan Mahmud.
- [4] Pada ketikaitu, Pemohon seorang Balu dan mempunyai tiga (3) orang anak. Manakala Responden mempunyai satu (1) orang isteri dan anak.
- [5] Responden di dalam permohonan ini adalah XYXY, (KP: XXXX29-11-XXXX) telah meninggal dunia pada tarikh 20 Februari 2019.

[ULASAN PENGHAKIMAN]

[6]

Saya bertindak mendengar dan memutuskan kes ini sebagaimana peruntuk

anSeksyen 11 (3)(b)(i) EnakmenMahkamahSyariah (Terengganu) 2001 yang memperuntukkanbahawa:

BidangkuasaMahkamahTinggiSyariah.

11 (3) MahkamahTinggiSyariahhendaklah –

- (a) ...
- (b) dalambidangkuasamalnya,
mendengardanmemutuskansemuatindakanprosidingjikasem
uapihakdalamtidakanatauprosidingituadalah orang Islam
dantindakanatauprosidingituadalahberhubungandengan –
 - (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian,
pembubaranperkahwinan (fasakh), nusyuz,
ataupemisahankehakiman (faraq) atauapa-apaperkara
yang berkaitandenganperhubunganantarasuamiisteri;

[7]

PenentuansamaadaakadnikahperkahwinanantaraPemohondenganRes
pondenitusahatautidakmengikutHukumSyarakhendaklahbertepatandenganke
hendakSeksyen 11danSeksyen 111 (1) EnakmenUndang-undangKeluarga
Islam (Terengganu) 2017.

[8]

Seksyen 11 EnakmenUndang-undangKeluarga Islam (Terengganu) 2017
memperuntukkanbahawasuatuperkahwinanadalahtaksahmelainkanjikacukup
emuasyarat yang perlumenurutHukumSyarakuntukmenjadikannyasah.
Inibermaknaundang-
undangmemberipengiktirafankepadasesuatuakadnikahitumenjadisahatautidak
sahadalahmenurutHukumSyarak.Kemudian di dalamseksyen 111 (1)
Enakmen yang samajugamemperuntukkanbahawasesuatuperkahwinan orang
Islam yang dilakukan di luar Malaysia, lain daripadaperkahwinan yang
diakadnikahkan di suatuKedutaanSuruhanjayaTinggi, atauPejabatKonsul

Malaysia di bawah seksyen 23, hendaklah diiktiraf sebagai sah bagi maksud Enakmen ini jika ia adalah sah menurut Hukum Syarak.

[9] Dalam meneliti sesuatu akad nikah perkahwinan yang melibatkan salah satu pihak atau kedua-dua pihak adalah bermastautin di Terengganu yang manakah perkahwinan itu telah dilangsungkan di luar negeri dan masih lagi belum didaftarkan menurut kehendak Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

[10] Dalam memutuskan kes ini, saya mendapat perkara yang perlu dilihat di dalam permohonan ini adalah tiga (3) iaitu:

- 1) Pemohon di dalam kes ini hendaklah bermastautin di Terengganu;
- 2)

Adakah akad nikah perkahwinan antara Pemohon dengan Responden itu wujud atau tidak?

- 3)

Jika akad nikah perkahwinan antara Pemohon dengan Responden itu wujud atau berlaku, adakah akad nikah itu sah atau tidak mengikut Hukum Syara'.

[11] Menurut seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017

menjelaskan maksud bermastautin iaitu sebagai tinggal tetap atau pada kelaziman ny dalam sesuatu kawasan yang tertentu. Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas dan berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan di dalam Mahkamah ini, saya berpuashati bahawa Pemohon pada masa permohonan ini dibuat bermastautin di Terengganu, iaitu di alamat No. XX, Taman XXX, Kerteh 24300 Kemaman, Terengganu. Oleh yang demikian Pemohon adalah layak untuk membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu.

- [12] Seterusnya, Mahkamah jugatelahmenelitiketeranganPemohondandikuatkandengansaksi-saksiPemohon, yang diterimaolehMahkamahbersertaketerangandokumentar, danmendapatibahawatelahberlakuakadnikahperkahwinanantaraPemohonden ganRespondenpadatarikhdantempat yang dinyatakan.
- [13] NamunapakahakadnikahantaraPemohondanRespondentersebut sah? HukumSyaraktelahmenetapkanbahawasesuatu perkahwinanitusahapabilame menuhirukun-rukunnikah. Hal initelahdinyatakan di dalamkitabBujayrimiala al-Khatib, jilid 3, halaman 326–327:

**فصل في أركان النكاح وهي خمسة صيغة وزوجة وزوج وولي
وهما العاقدان وشاهدان**

Terjemahannya:

“Fasal padamembicarakanrukun-rukunnikahdanadapunrukun-rukunnikahitu lima perkaraiaitu; sighth, pengantinperempuan, pengantinlelaki, wali. Pengantinlelakidanwaliadalahpihak-pihakmelaksanakanakadnikahperkahwinanmelaluisighthiaitulafa zijabdanlafazqabul. Yang kelimanyaialahdua orang saksilelaki.”

- [14] Rukunnikah yang pertamaialahsighth. Sighthialahlafazijabdaripadawalipengantinperempuanbersertaqabuldari pihakpengantinlelaki. Di dalamkesini, menurutketerangan yang dikemukakanolehPemohonbesertasaksi-saksi, danmelaluiketerangandokumentariaituSuratPerakuanNikah yang dikeluarkanolehMajlis Agama Islam Wilayah Narathiwattelahdibuktikanbahwaadanyalafazijabiaitudaripadajurunikah Haji Wan Hassan Wan Mahmud yang mengakadnikahkanperkahwinankedua-duapasanganini. Begitujugaadanyalafazqabuldengandua (2) kalilafazdaripadapengantinlelaki, padatarikhnikahberkenaan.Lafazijabdanqabulituberlangsung di Masjid

Pekan Baru, Tempat 1, Mukim Pasir Mas, Sungai Golok, Wilayah Narathiwat Thailand. Saya berpuashat idar keterangan-keterangan yang dikemukakan bahwa syarat-syarat yang telah ditentukan dalam rukun pertamanya telah dipenuhi. Dengan yang demikian saya berpuashat irukun pertamanya di dalam kesini telah dipatuhi sepenuhnya.

- [15] Mengenai rukun nikah yang kedua pula iaitu pengantin perempuan, menurut iqtidar yang dibuat oleh Pemohon, saya berpuashat bahwa Pemohon tidak tertegah untuk berkahwin dengan Responden baik dari segi nasab, susuan mahupun persembendaan. Penemuan fakta kes menunjukkan bahwa Pemohon telah bercerai matiden gansu amiterdahulu padatahun 2015. Tempoh iddah Pemohon telah punitamat. Pemohon jugabukan perempuan muhrim kepada Responden dan tidak adasebarang larangan akad nikah malah Pemohon itu ditentukan (*ta'yin*). Firman Allah SWT di dalam Surah An-Nisaa ayat 23 yang berbunyi:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأَخْتِ وَأُمَّهَاتُ الْمَنِّ الْأَخْتِ وَالرَّضْعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبَاتِكُمْ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ نِّسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ٢٣

Maksud:

“Diharamkan kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut; ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu, ibu-ibu isteri kamu, anak-

anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dan isteri-isteri yang telah kamu campuri, (tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikannya mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya) dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadikan isteri-isteri kamu) kecuali yang telah berlaku pada masa lalu, sesungguhnya Allah adalah amat pengampun dan lagi amat mengasihani.”

- [16] Perkara-perkara yang dimaksudkan di dalam Al-Quran ini telah diperuntukkan di dalam undang-undang sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 9 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Saya juga mendapati bahawa perkahwinan yang diadakan ini adalah dengan kerelaan hati Pemohon tanpa paksaan oleh mana-mana pihak.
- [17] Seterusnya rukun nikah yang ketiga iaitu, pengantin lelaki, berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan di dalam kes ini saya dapati Responden juga tidak terlarang dari segi nasab, susuan maupun persemendaan, untuk berkahwin dengan Pemohon. Rukun ini juga tanpa ada keraguan lagi telah dipenuhi.
- [18] Manakala rukun nikah yang keempat iaitu wali, ianya juga telah terlaksana. Di dalam kitab-kitab fiqah seluruhnya menyatakan mereka yang menjadi wali itu adalah mereka yang mempunyai keturunan daripada nasab. Ini bermakna ayah, jika tidak ada ayah, ayah kepada ayah, kemudian saudara lelaki seibu sebapa, kemudian saudara lelaki sebapa, kemudian anak lelaki kepada saudara lelaki seibu sebapa, kemudian anak lelaki kepada saudara sebapa dan seterusnya sampailah akhirnya. Kemudian setelah tidak ada asobah dari nasab dan walaa', maka yang memegang kewalian adalah Qadi atau Naib Qadi. Wali sebenar Pemohon adalah abang kandung Pemohon. Semasa akad nikah abang kandung Pemohon tidak diketahui di mana

keberadaan abang kandung Pemohon tersebut. Maka perkahwinan diwakili oleh Pemohon kepada jurunikah sebagai Wali Am. Berkenaan bayaran mas kahwin, ianya juga telah disediakan oleh pihak Responden sebanyak RM3,000.00 secara tunai. Oleh itu, saya berpuashati bahawa rukun nikah yang keempat ini juga telah dipenuhi oleh Pemohon dan Responden.

[19] Rukun nikah yang kelima ialah dua (2) orang saksi lelaki. Pada prosiding perbicaraan saya mendapati saksi-saksi yang didakwa oleh Pemohon inilah yang telah hadir di dalam majlis akad nikah itu dan telah memberi keterangan di dalam Mahkamah ini. Saksi-saksi mempunyai ingatan yang baik mengenai fakta akad nikah perkahwinan Pemohon dengan Responden dan dengan itu diterima oleh Mahkamah Yang Mulia ini. Setiap keterangan yang dikemukakan kepada Mahkamah ini adalah konsisten dan tidak bertentangan dengan fakta kes.

[20] Menurut peruntukan Hukum Syarak sebagaimana diperuntukkan di dalam seksyen 83 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, yang memperuntukkan:

Siapa yang boleh memberikan keterangan sebagai saksi

83. (1) Tertakluk kepada peruntukkan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa adalah 'aqil, baligh, 'adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Huraian - Seseorang Islam adalah disifatkan 'adil jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan; menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

- [21] Mahkamah ini tidak mempertikaikan kedudukan saksi-saksi, mutu dan kredibiliti yang dimilikinya dalam memberi keterangan dan mereka adalah layak untuk menjadi saksi. Saksi-saksi juga ada mengesahkan akad nikah yang berlangsung. Oleh yang demikian saya berpuashati di dalam kes ini bahawa rukun kelima kepada akad nikah telah dipenuhi.
- [22] Dengan kelima-lima rukun nikah dan syarat-syarat yang terkandung di dalam tiap-tiap satunya telah dipatuhi sepenuhnya saya berpendapat akad nikah perkahwinan antara Pemohon dengan Responden yang telah diadakan pada 26 Oktober 2018 adalah sah mengikut Hukum Syarak. Oleh kerana akad nikah itu sah mengikut Hukum Syarak maka ianya hendaklah diiktiraf sebagai sah menurut undang-undang.
- [23] Dalam kes ini Mahkamah telah mengarahkan Pemohon untuk membaca sumpah *mukammilah* bagi menampung kekurangan keterangan yang ada pada saksi-saksi Pemohon.
- [23] Diputuskan setelah mendengar kesemua keterangan yang ada, berserta penganalisaan terhadap dokumen yang dikemukakan, Mahkamah memberi penghakiman sebagaimana berikut:
1. **SAYA SABIT** akad perkahwinan antara Pemohon, XXXX, No. KP: XXXX02-11-XXXX dengan Responden, XYXY, No. KP: XXXX29-11-XXXX yang mana akad nikah telah dilangsungkan pada 17 Safar 1440H bersamaan 26 Oktober 2018 berwalikan wali am bernama Haji Wan Hassan Wan Mahmud, dengan Mas Kahwin RM3,000 tunai yang mana akad nikah telah diadakan di Masjid Kedai Baru, Tempat 1, Mukim Pasir Mas, Sungai Golok, Wilayah Narathiwat, Thailand **adalah sah mengikut hukum syara'**.
 2. **SAYA MENGIKTIRAF** perkahwinan sebagaimana tersebut di atas, **adalah sah menurut undang-undang** mengikut perutusan di

bawah Seksyen 11 dan Seksyen 111 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

3. **SAYA MEMBERI** pengiktirafan bahawa saksi-saksi yang hadir dalam majlis akad nikah mereka berdua antaranya terdiri daripada: -

1) XDXD
No. KP: XXXX28-11-XXXX
Alamat XXX Kg XXX,
24300 Kerteh,
Kemaman Terengganu.

2) XCXC
No. KP: XXXX10-11-XXXX
Alamat: No.XXX,
24300 Kerteh,
Kemaman.

4. **SAYA SABIT** alamat penyampaian terakhir pihak-pihak adalah seperti berikut:-

1) XXXX
No. KP: XXXX02-11-XXXX
Alamat: No, XX Taman XXX, Kerteh
24300 Kemaman,
Terengganu.

2) XYXY
No. KP: XXXX29-11-XXXX
(Meninggal Dunia)

5. **SAYA PERINTAH** kos tuntutan ditanggung oleh pihak masing-masing.

DI BERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah diNegeri Terengganu, pada hari ini Rabu, 25Muharram 1441H bersamaan 25 September 2019.

METERAI

HAKIM